



CERMIN kereta milik Muhamad Darwiis yang dipecahkan dalam kejadian di Taman Terus Maju, Sitiawan, kelmarin.

'Macam mana saya nak mohon kerja?'

Sitiawan: "Saya berharap sangat dapat kembali semua sijil yang dilarikan, saya mahu gunakannya untuk memohon pekerjaan."

"Setakat ini, hanya ijazah saja yang ditemui," kata Muhamad Darwiis Sadon, 25, selepas cermin kereta Mercedes-Benz miliknya dipecah di Taman Terus Maju di sini, kelmarin.

Muhamad Darwiis berkata, dia meletakkan kereta di hadapan rumah jam 1 pagi dan menyedari cermin tempat duduk penumpang belakang pecah jam 8 pagi, iaitu ketika mahu menghantar adiknya ke sekolah.

Menurutnya, tiada barangan bernilai lain yang hilang melainkan tiga beg mengandungi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ijazah, sijil kelahiran dan beberapa sijil pen-

capaian di sekolah.

"Selain itu, individu terbabit turut melarikan dokumen berkaitan kerja dan wang RM53. Semua dokumen itu belum ditemui kecuali ijazah saya yang dibuang berhampiran taman perumahan.

"Saya harap semua sijil itu ditemui semula kerana mahu memohon kerja tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Manjung Asisten Komisioner Nor Omar Sappi berkata, pihaknya menerima dua laporan berkaitan pecah kereta membatkan kehilangan dokumen, semalam.

"Kami masih mengesan pelakunya dan orang ramai yang mempunyai maklumat diminta tampil membantu siasatan," katanya.